NG TIAM KOK & YANG LAIN

lwn.

PP

MAHKAMAH RAYUAN, PUTRAJAYA
AHMAD MAAROP HMR
CLEMENT SKINNER HMR
MOHAMED APANDI ALI HMR
[RAYUAN JENAYAH NO: B-05-107-2009]
1 JUN 2012

KETERANGAN: *Inferens bertentangan - Kegagalan memanggil saksi - Sama ada terdapat pemendapan keterangan - Akta Keterangan 1950, s. 114(g)*

KETERANGAN: *Keterangan sokongan - Agen provokatur - Sama ada keterangan penyamar sulit memerlukan sokongan dari segi undang-undang - Sama ada keterangan penyamar sulit disokong dalam butir-butir material*

PROSEDUR JENAYAH: *Hukuman - Rayuan - Rayuan terhadap sabitan dan hukuman - Kesalahan di bawah s. 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 - Sama ada terdapat niat bersama - Sama ada identiti pesalah dibuktikan - Sama ada barang-barang kes dikenalpasti dengan betul - Sama ada terdapat pemecahan dalam rantaian keterangan mengenai barang kes*

UNDANG-UNDANG JENAYAH: *Akta Dadah Berbahaya 1952 - Seksyen 39B(1)(a) - Sama ada terdapat niat bersama - Sama ada identiti pesalah dibuktikan - Sama ada barang-barang kes dikenalpasti dengan betul - Mengedar dadah berbahaya - Sama ada terdapat pemecahan dalam rantaian keterangan mengenai barang kes*

Perayu pertama ('Ng'), kedua ('Ispangat') dan ketiga ('Sia') telah dituduh dengan niat bersama mengedar dadah berbahaya, di bawah s. 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 ('ADB') dibaca bersama s. 34 Kanun Keseksaan ('Kanun') dan boleh dihukum di bawah s. 39B(2) ADB. Ketiga-tiga perayu didapati bersalah, disabitkan dan dijatuhkan hukuman mati. Kes pendakwaan adalah bahawa SP1, penyamar sulit polis dalam satu operasi yang dijalankan oleh Jabatan Narkotik, Bukit Aman, Kuala Lumpur, diperkenalkan oleh sumber polis kepada seorang pembekal dadah bernama 'Boy' ('Sia') untuk satu transaksi jual beli dadah. Setelah bersetuju dengan jumlah dadah yang hendak dibeli, Sia menghubungi

seseorang melalui telefon bimbitnya dan kemudian memberitahu SP1 bahawa dadah sedang dibawa ke situ. Kemudiannya, sebuah kereta proton Wira tiba di lobi hotel dan seorang lelaki Cina (Ng) diperkenalkan kepada SP1. Mereka bersama-sama dengan Ispangat yang memandu kereta tersebut dan dua orang lelaki lain menunjukkan kepada SP1 tiga buah beg dalam boot kereta Wira tersebut. SP1 nampak dalam ketiga-tiga beg tersebut terdapat ketulan mampat daun-daun kering dibalut dengan plastik lutsinar yang disyaki ganja. SP1 telah memeriksa kandungan ketiga-tiga beg tersebut dan mengesahkan bahawa ada 40 ketul daun-daun mampat yang dibaluti plastik lutsinar dalam ketiga-tiga beg tersebut. Semasa beg-beg tersebut dipunggah dari boot kereta Wira ke kereta SP1, SP1 memberikan isyarat kepada pasukan serbuan untuk mengambil tindakan. Sejurus selepas itu ketiga-tiga tertuduh bersama dua yang lain ditangkap oleh polis. Kesemua 40 ketulan mampat tersebut disahkan oleh ahli kimia, SP5 sebagai mengandungi kanabis seberat 38,723.5 gram. Di akhir kes pihak pendakwaan, hakim bicara memutuskan bahawa pihak pendakwaan telah membuktikan kes *prima facie* terhadap Ng, Ispangat dan Sia dan mengarahkan mereka membela diri. Antara alasan yang dikemukakan bagi pihak perayu-perayu di dalam rayuan ini adalah: (i) keraguan terhadap identiti beg-beg yang dikemukakan di mahkamah; (ii) kegagalan pihak pendakwaan membuktikan niat bersama Ng, Ispangat dan Sia; (iii) kegagalan membuktikan kaitan Ng dengan dadah yang dirampas; (iv) kegagalan memanggil dua orang yang ada bersama perayu-perayu semasa tangkapan sebagai saksi; (v) kegagalan mematuhi s. 162 Kanun Tatacara Jenayah ('KTJ') dan (vi) beban yang lebih berat dikenakan terhadap Ispangat dan Sia.

Diputuskan (menolak rayuan perayu-perayu; mengesahkan sabitan dan hukuman mati)

Oleh Ahmad Maarop HMR menyampaikan penghakiman mahkamah:

(1) Pihak pendakwaan telah memanggil kesemua orang yang telah mengendalikan 40 ketulan bahan tumbuhan yang dijumpai dari dalam beg-beg tersebut, dan kesemua mereka telah mengecam dengan pasti barang-barang kes tersebut. Oleh itu, tidak terdapat pemecahan dalam rantaian keterangan mengenai barang-barang kes tersebut. Tidak terdapat keraguan tentang identiti 40 ketulan mampat bahan tumbuhan tersebut. Mahkamah oleh itu berpuas hati bahawa ketulan-ketulan mampat yang dianalisa oleh SP5 adalah ketulan-ketulan mampat yang sama yang dirampas oleh SP9 di tempat kejadian pada hari Ng, Ispangat dan Sia ditangkap. (perenggan 21)

(2) Keterangan SP1 sebagai penyamar sulit tidak memerlukan sokongan dari segi undang-undang. Tambahan, dalam kes ini keterangan SP1 disokong dalam butir-butir yang material oleh keterangan SP3 dan SP4 serta SP9. (perenggan 24)

(3) Keterangan SP1 jelas memperlihatkan peranan yang masing-masingnya dimainkan oleh Ng, Ispangat dan Sia dalam satu transaksi jenayah seperti yang diperuntukkan di bawah s. 34 Kanun. Keterangan yang dikemukakan membawa kepada hanya satu kesimpulan, iaitu, bahawa apa yang dilakukan masing-masingnya oleh Ng, Ispangat dan Sia itu telah dilakukan dalam melaksanakan niat bersama mereka untuk mengedar dadah berbahaya kepada SP1. Kehadiran ketiga-tiga perayu di tempat kejadian pada masa yang material adalah berikutan dengan pre-arranged plan mereka. (perenggan 24 & 25)

(4) Dalam kes di mana identiti seseorang penjenayah dipertikaikan, keterangan cap jari mempunyai peranan yang penting dan tinggi nilainya. Tetapi dalam kes di mana pengedaran dadah adalah dalam bentuk penjualan dan terdapat keterangan yang membuktikan identiti pesalah-pesalah, keterangan cap jari kurang nilainya. Apa yang penting ialah sama ada terdapat keterangan lain yang cukup untuk membuktikan kes terhadap Ng seperti dalam pertuduhan yang dihadapinya. Keterangan SP1 yang disokong oleh keterangan saksi-saksi lain jelas membuktikan identiti Ng, dan penglibatan serta culpabilitynya dalam kesalahan seperti dalam pertuduhan. (perenggan 27 & 28)

(5) Anggapan bertentangan di bawah s. 114(g) Akta Keterangan 1950 hanya boleh dibangkitkan jika terdapat penahanan atau pun pemendapan keterangan, dan bukan hanya atas kegagalan mendapatkan keterangan. Di dalam kes ini tidak terdapat penahanan atau pemendapan (suppression) keterangan oleh pihak pendakwaan. Pihak pendakwaan telah membuktikan kes *prima facie* terhadap Ng, Ispangat dan Sia dan tidak terdapat jurang dalam kes pihak pendakwaan. Yang arif hakim bicara telah membuat keputusan yang betul apabila beliau memerintahkan Ng, Ispangat dan Sia membela diri. (perenggan 33, 34 & 41)

(6) Pindaan tentang berat cannabis dibuat berdasarkan kepada keterangan SP5 yang menyatakan dalam pemeriksaan utama bahawa Berat Bersih Bahan Tumbuhan yang dinyatakan

A sebagai 9,625.2g itu sepatutnya ialah 7,625.2g. Peguam-peguam yang mewakili Ng, Ispangat dan Sia telah diberi peluang untuk menyoal balas SP5 tetapi tidak ada sebarang pertikaian ditimbulkan tentang pembetulan yang dibuat oleh SP5 itu. Hakim bicara tidak mempunyai tanggungjawab untuk B memberitahu peguam-peguam yang mewakili Ng, Ispangat atau Sia tentang hak mereka di bawah s. 162 KAJ. *Msimanga Lesaly v. PP* (dirujuk). (perenggan 45)

(7) Walaupun hakim bicara telah tersilap dalam penggunaan C perkataan-perkataan yang betul dalam menyatakan bahawa pihak pembelaan telah gagal menimbulkan keraguan yang munasabah ke atas kes pihak pendakwaan, kesilapan tersebut tidak boleh membatalkan sabitan terhadap Ng, Ispangat dan Sia. *(Khoo Hi Chiang v. PP* (dirujuk)). Keterangan yang telah D dikemukakan oleh pihak pendakwaan adalah overwhelming, dan dengan itu, tidak ada salah laksana keadilan yang substantial. Berikutan itu, sabitan dan hukuman terhadap Ng, Ispangat dan Sia adalah selamat. (paras 47, 49 & 50)

E ***English*** *Translation Of Headnotes*

The first appellant ('Ng'), the second appellant ('Ispangat') and the third appellant ('Sia') were charged with trafficking in dangerous drugs with common intention, under s. 39B(1)(a) Dangerous Drugs Act 1952 ('DDA') read together with s. 34 F Penal Code ('Code'), which offence was punishable under s. 39B(2) DDA. All three appellants were found guilty, convicted and sentenced to death. The prosecution's case was that SP1, an agent provocateur in an operation conducted by the Narcotics Department, Bukit Aman, Kuala Lumpur, was introduced by a G police source to a drug supplier named Boy ('Sia') for a drug sale and purchase transaction. After agreeing with the amount of drugs to be purchased, Sia had contacted someone through his cell phone and had later told SP1 that the drugs were being brought to the area. Subsequently, a Proton Wira arrived at the lobby of H the hotel and one Chinese man ('Ng') was introduced to SP1. They, together with Ispangat who was driving the said car along with two other men, showed SP1 three bags in the boot of the car. SP1 saw that in the said three bags there were slabs of dried leaves wrapped in transparent plastic packages suspected to be I cannabis. SP1 had inspected the contents of the said three bags and confirmed them to be 40 slabs of dried leaves wrapped in transparent plastic packages. While the said bags were being unloaded from the Proton Wira's boot to SP1's car, SP1 gave a

signal to the raiding team to spring to action. Immediately after that, the three accused persons along with two others were arrested by the police party. All the 40 said slabs of dried leaves were confirmed to contain 38,723 grams of cannabis by the chemist, SP5. At the end of the prosecution's case, the trial judge held that the prosecution had proved a *prima facie* case against Ng, Ispangat and Sia and had instructed them to enter their defence. Amongst the grounds adduced by the appellants in this appeal were (i) doubts as to the identity of the bags produced before the court; (ii) the prosecution's failure to prove common intention between Ng, Ispangat and Sia; (iii) failure to prove that there was a connection between Ng and the drugs seized; (iv) failure to call the other two persons found with the appellants at the time of arrest as witnesses; (v) failure to comply with s. 162 Criminal Procedure Code ('CPC') and (vi) a heavier burden was imposed on Ispangat and Sia.

Held (dismissing the appellants' appeal; affirming conviction and death sentence)

Per Ahmad Maarop JCA delivering the judgment of the court:

(1) The prosecution had called on all those involved in the handling of the 40 slabs of dried leaves found in the said bags, and all of them had positively identified the said substances. Therefore, there was no break in the chain of evidence relating to the said substances. There was no doubt on the identity of the said 40 slabs of dried leaves. The court was thus satisfied that the slabs that were analysed by SP5 were the same slabs that were seized by SP9 at the place of incident on the day Ng, Ispangat and Sia were arrested.

(2) SP1's evidence as agent provocateur did not require corroboration in law. More so when, as in this case, SP1's evidence was supported in material facts by the evidence of SP3 and SP4 as well as SP9.

(3) The evidence of SP1 clearly showed the role was played by Ng, Ispangat and Sia respectively in one criminal transaction as provided under s. 34 of the Code. The evidence adduced led to one conclusion, which was, that what was done by Ng, Ispangat and Sia respectively was done with common intention of trafficking in dangerous drugs to SP1. The presence of the three appellants at the place of incident at the material time was in accordance with their pre-arranged plan.

(4) In a case where the identity of a criminal is being disputed, the evidence of fingerprints plays an important role and is invaluable. But in a case where the trafficking of drugs was in the form of a sale transaction and there was evidence to prove the identity of the offenders, fingerprint evidence becomes less valuable. What was important was whether there was any other evidence sufficient to prove a case against Ng as per the charges against him. The evidence of SP1 that was supported by the other witnesses' evidence clearly proved the identity of Ng, and his involvement as well as his culpability in the offences.

(5) Adverse inference under s. 114(g) Evidence Act 1950 could only be raised if there was withholding or suppression of evidence, and not on mere failure to obtain evidence. In this case there was no withholding or suppression of evidence by the prosecution. The prosecution had proved a *prima facie* case against Ng, Ispangat and Sia and there were no gaps in the prosecution's case. The trial judge had made the correct decision when he ordered Ng, Ispangat and Sia to enter their defence.

(6) The amendment that was made to the weight of the cannabis was based on the evidence of SP5 who stated in his examination-in-chief that the net weight of the plant material was 7,625g and not 9,625g as stated. The counsel representing Ng, Ispangat and Sia had been given the opportunity to cross-examine SP5 but no challenge was raised regarding the correction made by SP5. The trial judge does not have a duty to inform the counsel representing Ng, Ispangat and Sia regarding their rights under s. 162 of the CPC. (*Msimanga Lesaly v. PP*, refd).

(7) Although the trial judge had erred when he failed to use the correct words when stating that the defence failed to raise reasonable doubt on the prosecution's case, the said error could not quash the conviction against Ng, Ispangat and Sia (*Khoo Hi Chiang v. PP*, refd). The evidence adduced by the prosecution was overwhelming, and thus, there was no substantial miscarriage of justice. The conviction and sentence against Ng, Ispangat and Sia was hence safe.

Kes-kes yang dirujuk:

Adel Muhammed El Dabbah v. Attoney General of Palestine [1944] AC 156 ***(dirujuk)***
Alcontara Ambross Anthony v. PP [1996] 1 CLJ 705 FC ***(dirujuk)***
Chua Beow Huat v. PP [1968] 1 LNS 24 HC ***(dirujuk)***
Dorai Pandian Munian & Anor v. PP [2009] 1 LNS 234 CA ***(dirujuk)***
Gunalan Ramachandran & Ors v. PP [2004] 4 CLJ 551 CA ***(dirujuk)***
Haw Tua Tau v. PP & Other Cases [1981] CLJ 123; [1981] CLJ (Rep) 11 PC ***(dirujuk)***
Jamaludin Md Kassim v. PP [2010] 5 CLJ 928 CA ***(dirujuk)***
Jamaludin Md Kasim v. PP [2010] 9 CLJ 377 FC ***(dirujuk)***
Khoo Hi Chiang v. PP & Another Case [1994] 2 CLJ 151 SC ***(dirujuk)***
Khoon Chye Hin v. PP [1961] 1 LNS 41 HC ***(dirujuk)***
Malak Khan v. The King – Emperor 72 1A 304 ***(dirujuk)***
Mohd Shamshir Md Rashid v. PP [2008] 6 CLJ 738 CA ***(dirujuk)***
Msimanga Lesaly v. PP [2005] 1 CLJ 398 CA ***(dirujuk)***
Munusamy Vengadasalam v. PP [1987] 1 CLJ 250; [1987] CLJ (Rep) 221 SC ***(dirujuk)***
Nasaruddin Daud & Anor v. PP [2010] 8 CLJ 21 CA ***(dirujuk)***
Nasarudin Daud & Satu Lagi v. PP [2011] 3 CLJ 713 FC ***(dirujuk)***
Pang Chee Meng v. PP [1992] 1 CLJ 39; [1992] 1 CLJ (Rep) 265 SC ***(dirujuk)***
PP v. Chia Leong Foo [2000] 4 CLJ 649 HC ***(dirujuk)***
PP v. Dato' Seri Anwar Ibrahim (No. 3) [1999] 2 CLJ 215 HC ***(dirujuk)***
PP v. Mansor Md Rashid & Anor [1997] 1 CLJ 233 FC ***(dirujuk)***
PP v. Nordin Awang [2000] 1 LNS 288 HC ***(dirujuk)***
Ramanathan v. State of Tamil Nadu, [1978] Cri LJ 1137 SC ***(dirujuk)***
Sabarudin Non v. PP & Other Appeals [2005] 1 CLJ 466 CA ***(dirujuk)***
Seneviratne v. R [1936] 3 All ER 36 ***(dirujuk)***
Teoh Hoe Chye v. PP & Another Case [1987] 1 CLJ 471; [1987] CLJ (Rep) 386 SC ***(dirujuk)***
Ti Chuee Hiang v. PP [1995] 3 CLJ 1 FC ***(dirujuk)***
Wong Swee Chin v. PP [1980] 1 LNS 138 FC ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:

Courts of Judicature Act 1964, s. 60(1)
Criminal Procedure Code, s. 162
Dangerous Drugs Act 1952, ss. 2, 37(da), 39B(1)(a), (2),
Evidence Act 1950, s. 114(g)
Penal Code, s. 34

Bagi pihak perayu pertama - Zamri Ibrahim (Nurul Azimi Azizi bersamanya); T/n Hanif & Co
Bagi pihak perayu kedua & ketiga - Hisham Teh Poh Teik; T/n Teh Poh Teik & Co
Bagi pihak responden - Siti Rafidah Zainuddin, TPR

[Rayuan dari Mahkamah Tinggi, Shah Alam; Perbicaraan Jenayah No: 47-11-2000]

Dilaporkan oleh Emm Zehra

A

PENGHAKIMAN

Ahmad Maarop HMR:

Latar Belakang

B **[1]** Perayu pertama - Ng Tiam Kok ("Ng"), perayu kedua, Ispangat bin Misrun ("Ispangat") dan perayu ketiga, Sia Sew Ben ("Sia") telah dituduh dengan niat bersama memperedarkan dadah berbahaya, iaitu 38,723.5g cannabis pada 21 Jun 1999 jam lebih kurang 8.45 malam di tempat letak kereta, Hotel Mint, KM8
C Lebuh Raya Kuala Lumpur-Seremban, satu kesalahan di bawah s. 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 (ADB) yang dibaca bersama s. 34 Kanun Keseksaan dan boleh dihukum di bawah s. 39B(2) Akta yang sama.

D **[2]** Mahkamah Tinggi telah mendapati Ng, Ispangat dan Sia bersalah, mensabitkan mereka dan menjatuhkan hukuman mati ke atas mereka. Mereka telah mengemukakan rayuan ke mahkamah ini.

[3] Perbicaraan dalam kes ini telah dimulakan oleh YA Dato' Zulkefli b Ahmad Makinudin (pada masa itu) yang telah mendengar
E keterangan Insp Ng Soon Wah (SP1) dalam pemeriksaan utama dan sebahagian dari keterangannya dalam pemeriksaan balas (lihat ms. 67, Jilid 3 Rekod Rayuan). Selepas itu YA Dato' Muhamad Ideres b Muhamad Rapee (YA Hakim bicara) telah menyambung perbicaraan dalam kes ini. Beliau telah mendengar sambungan
F pemeriksaan balas SP1 dan meneruskan perbicaraan kes ini sehingga selesai.

Kes Pihak Pendakwaan

[4] Ng, Ispangat dan Sia telah ditangkap dalam satu operasi
G sting yang dijalankan oleh Jabatan Narkotik, Bukit Aman, Kuala Lumpur. Intipati kes pihak pendakwaan adalah seperti berikut. Pada 21 Jun 1999 jam 2.05 petang, SP1 telah menerima arahan daripada ASP Nordin b Ahmad untuk menjadi penyamar sulit polis (agent provocateur) dalam suatu transaksi jual beli dadah.
H Berikutan itu SP1 telah menghadiri satu taklimat yang diberikan oleh ASP Fisol bin Salleh (SP9) yang juga dihadiri oleh anggota polis lain yang mengambil bahagian dalam operasi tersebut termasuk Kpl Detektif Wong Hui Leng (SP3) dan Det Kpl Abu Bakar b Hj Taib (SP4). Sebagai penyamar sulit, peranan SP1
I dalam operasi tersebut adalah berunding dengan pembekal dadah tersebut dan membelinya. Selepas taklimat itu berakhir, pada jam lebih kurang 4.45 petang, SP1 bertolak ke Hotel Mint di Seri Kembangan, Selangor ("Hotel Mint") dengan menggunakan kereta samaran polis No. JDB 5140.

[5] SP1 sampai di Hotel Mint pada lebih kurang jam 5.30 petang. Selepas meletakkan keretanya lebih kurang 10 kaki dari lobi hotel tersebut, SP1 telah masuk ke lobi hotel tersebut dan bertemu dengan sumber (informer) polis yang menunggu SP1 di situ. Sumber memberitahu SP1 bahawa dia akan memperkenalkan SP1 dengan seorang pembekal dadah bernama "Boy". Kemudian, sumber telah menelefon "Boy" dan memberitahu SP1 bahawa "Boy" akan sampai pada pukul 6 petang hari tersebut. Pada masa SP1 berada di Hotel Mint, pergerakan SP1 diperhatikan oleh SP3 dan SP4 yang bertindak sebagai anggota pengawasan (surveillance). Selain dari memerhatikan pergerakan SP1, SP3 dan SP4 juga bertanggungjawab untuk melindungi keselamatan SP1.

[6] Pada jam 6 petang hari yang sama, "Boy" sampai ke Hotel Mint. Selepas memperkenalkan "Boy" kepada SP1, sumber beredar dari situ. "Boy" telah dicamkan oleh SP1 dalam mahkamah sebagai Sia (iaitu orang kena tuduh ketiga dalam perbicaraan di Mahkamah Tinggi). SP1 telah berunding dengan Sia tentang harga dan jumlah dadah yang akan dibekalkan. Akhirnya SP1 dan Sia bersetuju dengan harga RM1,350 bagi satu kilogram ganja. SP1 bersetuju untuk membeli 40 kilogram ganja. Selepas itu Sia telah keluar dari lobi hotel itu untuk membuat panggilan telefon. Sia masuk semula ke lobi hotel dan meminta SP1 supaya sabar menunggu kerana pembekal dadah tersebut sedang dalam perjalanan ke Hotel Mint. Selepas itu Sia meminta SP1 menunjukkan wang yang SP1 bawa. SP1 menunjukkan wang yang dibawanya dalam sebuah beg. SP1 membuka zip beg tersebut dan menunjukkan kepada Sia wang yang ada dalam beg tersebut. Sia mencadangkan supaya SP1 mengira wang tersebut tetapi ditolak oleh SP1 kerana mereka berada di khalayak ramai. Sia minta SP1 mencabut sekeping wang kertas untuk pemeriksaan dan pengesahannya. SP1 mencabut sekeping wang kertas yang bernilai RM100 dan menyerahkannya kepada Sia. Selepas memeriksa wang kertas tersebut dengan teliti, Sia berpuas hati dan menyerahkannya balik kepada SP1. Selepas itu Sia membuat panggilan telefon dengan telefon bimbitnya dan berkata melalui telefonnya itu yang SP1 dengar seperti dalam Bahasa Kantonis yang bermaksud wang sudah ada. Pada masa yang sama Sia keluar dari lobi hotel. Selepas beberapa minit Sia masuk semula ke lobi hotel dan memberitahu SP1 bahawa dadah yang SP1 akan beli akan sampai dalam masa satu jam dan Sia minta SP1 untuk bersabar menunggu. Ini berlaku pada lebih kurang pukul 7.30 malam. Pada masa Sia keluar sebentar dari lobi hotel, SP1 terus berada di lobi hotel. Selepas Sia masuk ke lobi hotel dan kemudian keluar lagi, SP1 telah pergi ke tandas di hotel

tersebut, dan dengan telefon bimbitnya telah menelefon SP9 (Ketua Pasukan Serbuan) memberitahu SP9 bahawa ganja yang akan dibelinya akan sampai pada lebih kurang jam 8.30 malam pada hari yang sama. Selepas keluar dari tandas, SP1 telah berjumpa semula dengan Sia dan berbual-bual. Pada jam lebih kurang jam 8.30 malam hari yang sama, Sia telah mengajak SP1 keluar dari lobi hotel untuk menunggu ketibaan ganja tersebut. Pada masa itu Sia sekali lagi membuat panggilan telefon dan bertanya dalam loghat Kantonis di manakah kedudukan anda. Selepas itu Sia memberitahu SP1 bahawa pembekal dadah akan sampai pada bila-bila masa. Berikutan itu SP1 dan Sia menunggu di luar hotel tersebut.

[7] Pada lebih kurang pukul 8.40 malam SP1 nampak sebuah kereta Proton Wira berwarna biru No. WGB 5203 ("kereta Wira") masuk ke kawasan Hotel Mint. Apabila sampai berdekatan dengan bahagian luar lobi hotel tersebut, kereta Wira itu berhenti. Seorang lelaki Cina berseluar pendek turun dari kereta Wira dan berjalan menuju ke tempat di mana Sia berada. Selepas Sia memperkenalkan SP1 kepada lelaki Cina tersebut, lelaki Cina tersebut memberitahu sesuatu kepada SP1 yang SP1 fahami maksudnya. Lelaki Cina itu dicamkan dalam mahkamah oleh SP1 sebagai Ng (iaitu orang kena tuduh pertama di dalam perbicaraan di Mahkamah Tinggi). Selepas diperkenalkan kepada Ng oleh Sia, SP1 berkata dia hendak melihat dadah yang dibawa oleh Ng. Ng bersetuju dan membawa SP1 dan Sia ke belakang kereta Wira. Apabila mereka bertiga sampai di belakang kereta Wira, seorang lelaki Melayu berpakaian T-shirt putih berjalur biru turun dari bahagian penumpang hadapan kereta itu. Lelaki Melayu tersebut berjalan ke bahagian belakang kereta Wira, dan pada masa yang sama dua orang lelaki Melayu lain turun dari kereta itu. Seorang dari dua lelaki Melayu lain itu, iaitu, yang memakai baju coklat muda dan bermisai tebal adalah pemandu kereta Wira. Lelaki Melayu ini telah dicamkan dalam mahkamah oleh SP1 sebagai Ispangat (iaitu, orang kena tuduh kedua dalam perbicaraan di Mahkamah Tinggi). Seorang lagi dari dua orang lelaki lain itu, iaitu yang memakai T-shirt hitam, turun dari bahagian belakang kereta Wira. Lelaki Melayu berbaju putih yang mula-mula keluar dari kereta Wira telah membuka penutup boot kereta Wira. Kemudian, Ispangat telah menunjukkan tiga buah beg dalam boot kereta Wira itu dan berkata "inilah barang kamu". Pada masa yang sama Ispangat membuka zip beg-beg tersebut untuk menunjukkan kandungannya kepada SP1. SP1 nampak dalam ketiga-tiga beg tersebut ada ketulan mampat daun-daun kering dibalut dengan plastik lutsinar yang disyaki ganja. SP1 telah memeriksa kandungan

ketiga-tiga beg tersebut dan mengesahkan bahawa ada 40 ketul daun-daun mampat yang dibaluti plastik lutsinar dalam ketiga-tiga beg tersebut. Pada masa itu Ng, Ispangat dan Sia serta dua orang lelaki Melayu ada bersama memerhatikan SP1 di belakang kereta Wira itu. Selepas SP1 berpuas hati, Ng dan Sia telah menyuruh dua lelaki Melayu tersebut serta Ispangat memunggah tiga beg tersebut ke dalam kereta SP1, yang terletak lebih kurang 20 kaki daripada kereta Wira. Semasa dalam perjalanan ke keretanya, SP1 telah menyapu mukanya dengan sapu tangan. Ini adalah isyarat (yang bermaksud boleh ambil tindakan), yang telah dipersetujui oleh SP1 dan pasukan serbuan. Apabila sampai ke tempat di mana keretanya berada, SP1 telah membuka boot keretanya dengan kunci. Pada masa itu dua lelaki Melayu tersebut dan Ispangat berada di belakang kereta SP1. Semasa SP1 membuka penutup boot keretanya, pasukan serbuan yang diketuai oleh SP9 sampai. SP9 menjerit "Polis! Polis! Jangan bergerak". Dua lelaki Melayu tersebut dan Ispangat telah mencampakkan ketiga-tiga beg yang mereka pikul itu ke dalam kereta SP1 dan melarikan diri. Pada masa itu, Ng dan Sia, yang juga berada di bahagian belakang kereta SP1 telah melarikan diri. SP1 sempat menolong Ketua Inspektor Zubir menangkap Sia. Ng dan Ispangat serta dua orang lelaki Melayu tersebut juga telah berjaya ditangkap oleh polis.

[8] Seterusnya, dalam kehadiran Ng, Ispangat dan Sia serta dua orang lelaki Melayu itu (dikenali sebagai Afrizal dan Guntur), SP9 telah memeriksa boot kereta SP1. SP9 mendapati ada tiga buah beg dalam kereta itu. SP9 telah memeriksa ketiga-tiga beg tersebut. SP9 mendapati:

(a) beg berwarna hijau jenama Omega berisi 20 ketulan mampat daun-daun kering yang disyaki ganja;

(b) beg berwarna hijau gelap jenama Western Digital berisi 12 ketulan mampat daun-daun kering yang disyaki ganja; dan

(c) beg berwarna biru jenama Aimaco berisi lapan ketulan mampat daun-daun kering yang disyaki ganja.

[9] Ahli kimia, Cheong Meow Kioon (SP5) telah mengesahkan bahawa 40 ketulan mampat tersebut mengandungi cannabis seberat 38,723.5g, iaitu sejenis dadah berbahaya di bawah ADB.

[10] Di akhir kes pihak pendakwaan YA Hakim bicara memutuskan bahawa pihak pendakwaan telah membuktikan kes *prima facie* terhadap Ng, Ispangat dan Sia bagi pertuduhan yang dihadapi oleh mereka. Beliau mengarahkan Ng, Ispangat dan Sia membela diri mereka.

A **Kes Pihak Pembelaan**

[11] Ng, Ispangat dan Sia telah memberikan keterangan secara bersumpah.

B **Pembelaan Ng**

[12] Intipati keterangan Ng adalah seperti berikut. Pada 21 Jun 1999 lebih kurang jam 6 petang Ng yang baru balik dari tempat kerja telah pergi ke Taman Maluri Cheras untuk berjumpa kawannya bernama Mahadir. Mahadir juga dikenali sebagai Kuntut, C dan di mahkamah, Kuntut juga dikenali sebagai Guntur. Ng berjumpa Guntur di sebuah kedai kopi. Guntur bertanya Ng sama ada dia ada masa atau tidak. Ng menjawab ada masa. Guntur mengajak Ng mencari seorang kawannya di Sungai Way. Kemudian pada lebih kurang jam 7 petang mereka bertolak ke Sungai Way D dengan teksi. Di Sungai Way mereka berhenti di tepi jalan dan Guntur membayar tambang teksi. Setelah menunggu di situ di antara 5 – 10 minit sebuah kereta Wira tiba. Ada dua orang Melayu dalam kereta Wira itu. Salah seorang dari mereka mengajak Ng dan Guntur naik kereta itu. Mereka naik kereta itu dan duduk E di tempat duduk belakang. Pada masa itu Ng tidak tahu kereta itu hendak pergi ke mana. Setelah kereta itu berjalan Ng mendengar penumpang yang duduk di sebelah pemandu kereta itu mengarahkan pemandu kereta itu pergi ke Hotel Mint. Apabila mereka sampai di Hotel Mint, kereta itu berhenti di hadapan hotel F itu. Ng turun dari kereta itu untuk pergi ke tandas. Setelah berjalan beberapa langkah, Ng terdengar suara mengarahkan "Jangan lari", dan dia terus ditangkap. Setelah ditangkap Ng dibawa ke belakang kereta Proton Iswara. Pada masa itu ada tiga orang Melayu dan seorang Cina di situ termasuk Ispangat dan Sia. G Ng telah mengenali Sia seminggu sebelum hari kejadian apabila dia bertemu Sia di sebuah kedai gunting rambut. Ng tidak tahu bagaimana Sia boleh berada di belakang kereta Iswara itu. Boot kereta Iswara dibuka dan Ng nampak ada tiga buah beg di dalamnya. Ng tidak tahu beg-beg tersebut mengandungi dadah. Ng H menafikan:

(a) dia berjumpa Sia di Hotel Mint;

(b) dia berjumpa SP1 di Hotel Mint sebelum ditangkap;

I (c) dia mengarahkan Ispangat untuk mengangkut salah satu beg;

(d) Sia memperkenalkannya kepada SP1;

(e) SP1 minta ditunjukkan dadah ganja yang dipesannya; dan

(f) dia menunjukkan dadah di dalam boot kereta.

Pembelaan Ispangat

[13] Intipati keterangan Ispangat adalah seperti berikut. Pada tahun 1999 Ispangat, yang telah pernah tinggal di Malaysia selama lebih kurang lapan tahun, telah datang lagi ke Malaysia dengan cara tidak sah, dan bekerja di Mayun Engineering. Pada 21 Jun 1999 dia tinggal di Kelana Jaya. Pada hari itu dia bekerja dari jam 8 pagi hingga jam 5 petang. Pada hari itu apabila dia balik ke rumahnya, Rahimi dan Afrizal iaitu rakan serumahnya ada di rumah. Selepas dia mandi, Rahimi memintanya memandu kereta Wira ke Pasaraya Bintang di Sungai Way. Menurut Ispangat, kereta Wira dipunyai oleh Rahimi. Ispangat memandu kereta Wira dengan Afrizal yang duduk di sebelahnya. Sebelum sampai di Pasaraya Bintang, Afrizal memberitahu Ispangat bahawa di Pasaraya Bintang ada kawannya dan dia mengajak Ispangat mengambil kawannya itu dan seterusnya pergi ke Hotel Mint. Ispangat tanya Afrizal "tadi Rahimi cakap pergi Pasaraya Bintang sahaja, pasal apa sekarang hendak pergi ke Hotel Mint". Afrizal jawab, "tidak apa nanti kita mandi sauna di sana". Apabila sampai di Pasaraya Bintang, Afrizal minta Ispangat berhenti di bus stop. Afrizal turun dan pergi ke tempat kawannya berdiri. Kemudian Afrizal datang semula ke kereta dengan dua orang kawannya, iaitu seorang Melayu dan seorang Cina. Setelah mereka masuk ke dalam kereta, Afrizal mengarahkan Ispangat pergi ke Hotel Mint. Apabila sampai di Hotel Mint, Afrizal dan kawannya turun dari kereta. Kemudian Afrizal mengarahkan Ispangat membuka boot kereta itu. Ispangat membuka boot kereta itu dari tempat pemandu. Selepas itu Ispangat telah mengeluarkan sebatang rokok dan menghisapnya. Tidak lama selepas itu Ispangat telah ditangkap, digari dan dibawa ke kereta Proton Iswara. Di situ Ispangat telah disuruh duduk di luar kereta. Tidak lama selepas itu Sia yang juga telah digari dibawa ke situ dan duduk bersama Ispangat. Selepas itu mereka telah ditunjukkan beg dalam kereta Iswara. Ispangat menafikan:

(a) dia memberitahu SP1: "Inilah barang-barang kamu?";

(b) dia membuka 3 zip ie, zip-zip P3, P4 dan P5; dan

(c) bahawa dia diarahkan oleh Ng dan Sia untuk mengangkat beg-beg (P3, P4 dan P5) itu.

Pembelaan Sia

[14] Intipati keterangan Sia adalah seperti berikut. Sebelum ditangkap dia adalah pemilik Swish Unisex Hair Saloon selama lapan tahun. Salah seorang pelanggan tetap Sia ialah Ah Seng

yang juga adalah kawannya. Pada 21 Jun 1999 Ah Seng ada datang ke kedai Sia. Ah Seng minta Sia pergi ke Hotel Mint untuk memaklumkan kepada kawannya (kawan Ah Seng) bahawa dia tidak dapat ke hotel itu kerana dia kurang sihat. Menurut Sia, dia pergi ke Hotel Mint dengan keretanya WFH 2238 seorang diri. Menurut Sia dia memang pergi ke situ kerana hendak mencari kawannya Ah Heng yang tinggal berdekatan dengan Hotel Mint. Sia sampai di Hotel tersebut pada jam 6.30 petang, dan telah pergi ke lobi Hotel. Di situ Sia telah berjumpa dengan seorang lelaki yang memakai kemeja T warna kuning. Sia memberitahu lelaki itu Ah Seng tidak dapat datang kerana tidak sihat. Pada masa itu Sia dan lelaki itu berada di Coffee House di lobi hotel itu. Lelaki itu minta Sia duduk dengannya, dan mengajak Sia minum. Pada masa itu juga ada seorang lelaki Cina lain bersama-sama dengan lelaki Cina yang memakai kemeja T warna kuning tadi. Sia mengecam lelaki Cina yang lain itu sebagai SP1. Sia mendakwa dia tidak berbual dengan SP1 kerana tidak mengenalinya. Sia berbual dengan lelaki yang memakai kemeja T kuning. SP1 diam sahaja. Sia mengakui bahawa semasa berada di Hotel Mint ada ketikanya dia keluar dan masuk semula ke dalam lobi hotel. Sia menafikan:

(a) dia berunding dengan SP1 untuk pembekalan dadah ganja sebanyak 40 kilogram dengan harga RM1,350 sekilogram;

(b) dia melakukan tawar menawar harga dadah dengan SP1;

(c) dia berkata kepada SP1 dadah akan sampai dalam masa 1 jam;

(d) lelaki yang pakai T-shirt kuning perkenalkannya kepada SP1;

(e) dia melarikan diri;

(f) dia membekalkan dadah kepada SP1 setelah SP1 menempahnya daripadanya;

(g) dia mengenali Ng, Ispangat dan dua orang lagi ie, Afrizal dan Guntur;

(h) dia bertemu Ng di lobi hotel seperti yang dinyatakan oleh SP1;

(i) dia memperkenalkan SP1 kepada Ng;

(j) dia mengarahkan tiga orang Melayu iaitu Ispangat, Afrizal dan Guntur mengangkut beg-beg P3, P4 dan P5;

(k) dia terlibat di dalam perbincangan pembekalan dadah; dan

(l) dadah-dadah berada di kawasan Hotel setelah dia berbincang dengan SP1.

Keputusan Mahkamah Ini

[15] Dalam hujahnya peguam Ng telah mengemukakan beberapa alasan. Kami akan menghuraikan alasan-alasan ini satu persatu walaupun bukan semestinya dalam susunan alasan-alasan tersebut dikemukakan oleh peguam.

Alasan Pertama Ng

[16] Peguam Ng menyatakan bahawa eksibit-eksibit P3, P4 dan P5 adalah beg-beg yang dikatakan berisi ganja. SP1 tidak membuat sebarang tanda ke atas beg-beg tersebut. Apa yang dikatakan oleh SP1 dalam keterangannya ialah beg-beg tersebut serupa dengan beg-beg yang dilihatnya pada hari tangkapan dibuat. Peguam Ng berhujah oleh itu identiti beg-beg yang dikemukakan di mahkamah adalah diragukan. Kami tidak dapat menerima hujah tersebut. Dalam keterangannya, SP1 mengesahkan P3 sebagai beg hijau muda (yang ada logo Omega) yang dilihatnya dalam boot kereta Wira. Logo Omega tersebut dan warna beg telah membantu SP1 untuk mengesahkan P3 sebagai beg yang dilihatnya dalam boot kereta Wira. Mengenai eks. P4, SP1 mengesahkannya sebagai beg yang serupa dengan beg berwarna hijau tua yang berada dalam boot kereta Wira. Mengenai eks. P5 pula, SP1 mengesahkannya sebagai beg berwarna biru yang serupa dengan beg yang dilihatnya dalam boot kereta Wira. Ketiga-tiga beg tersebut kemudiannya dicampakkan ke dalam boot kereta SP1 oleh Ispangat dan dua lelaki lain sebelum melarikan diri. Mengenai P4 dan P5, pada hemat kami tanpa sebarang tanda yang dibuatnya, keterangan SP1 bahawa P4 dan P5 adalah serupa masing-masingnya dengan beg hijau tua dan beg biru yang dilihatnya dalam boot kereta Wira adalah munasabah dan wajar diterima. Tetapi apa yang lebih penting ialah keterangan mengenai identiti P3, P4 dan P5 tidak terhenti di situ. SP9 yang telah menyerbu ke arah kereta Wira bersama-sama pasukan serbuan sebaik-baik sahaja menerima isyarat boleh tangkap dari SP1, juga telah mengecam P3, P4 dan P5 masing-masingnya sebagai beg hijau terang (jenama Omega), beg hijau gelap (jenama Western Digital) dan beg biru yang dijumpainya dalam boot kereta SP1 yang didapati mengandungi sejumlah 40 ketulan mampat daun-daun kering yang disyaki ganja, dan kemudian dirampasnya. Jarak masa di antara SP1 memberi isyarat boleh tangkap dan beg-beg tersebut dicampakkan ke dalam kereta SP1 oleh Ispangat dan dua lelaki Melayu itu, dengan rampasan yang dibuat oleh SP9 ke atas tiga beg tersebut adalah singkat, dan tiada terdapat sebarang keterangan untuk menunjukkan bahawa beg-beg tersebut telah diusik atau ditukar. Yang lebih penting ialah

A selepas Ng, Ispangat dan Sia serta Afrizal dan Guntur ditangkap, mereka telah dibawa ke boot kereta SP1 di mana, dalam kehadiran mereka SP9 telah memeriksa ketiga-tiga beg tersebut dan mendapati:

B (a) beg berwarna hijau jenama Omega berisi 20 ketulan mampat daun-daun kering yang disyaki ganja;

(b) beg berwarna hijau gelap jenama Western Digital berisi 12 ketulan mampat daun-daun kering yang disyaki ganja; dan

C (c) beg berwarna biru jenama Aimaco berisi lapan ketulan mampat daun-daun kering yang disyaki ganja.

[17] Beg-beg tersebut telah dirampas dan dibawa balik ke IPD Petaling Jaya di mana SP9 telah membuat penandaan ke atas
D barang-barang kes tersebut, dan menyediakan senarai pemeriksaan (P24). Penandaan yang dibuat oleh SP9 adalah seperti berikut:

(a) beg hijau terang jenama Omega (P3), SP9 telah tandakan "A" dan turunkan tandatangannya dan tulis tarikh 21 Jun 1999;

E (b) 20 ketulan mampat dari P3, SP9 tandakan A1-A20, turunkan tandatangannya dan tulis tarikh 21 Jun 1999;

(c) beg hijau gelap (P4), SP9 tandakan "B", dan turunkan tandatangannya dan tulis tarikh 21 Jun 1999;

F (d) 12 ketulan mampat dari P4, SP9 tandakan B1-B12, turunkan tandatangannya dan tulis tarikh 21 Jun 1999;

(e) beg warna biru (P5), SP9 tandakan "C", turunkan tandatangannya dan tulis tarikh 21 Jun 1999; dan

G (f) Lapan ketulan mampat dan P5, SP9 tandakan C1-C8, turunkan tandatangannya dan tulis tarikh 21 Jun 1999.

[18] Tandaan-tandaan yang dibuat oleh SP9 itu telah
H membolehkannya mengecam dengan pasti P3, P4 dan P5. Tandaan-tandaan yang telah dibuatnya itu juga telah membolehkan SP9 mengecam dengan pasti 40 ketulan-ketulan mampat daun-daun kering yang dijumpai dalam ketiga-tiga beg tersebut.

[19] Pada 22 Jun 1999 lebih kurang jam 3 pagi SP9 telah
I menyerahkan barang-barang kes tersebut kepada ASP Md Suhud b Kasan (SP8), dan satu dokumen akuan penerimaan (P25) telah ditandatangani oleh SP9 dan SP8. Dari masa dirampas sehingga diserahkan kepada SP8, barang-barang kes tersebut berada dalam kawalan SP9.

[20] SP8 telah menurunkan tandatangannya pada barang-barang kes tersebut dan menyimpannya dalam kabinet besi berkunci di pejabatnya. Barang-barang kes tersebut berada dalam kawalan SP8 sehingga pada 28 Jun 1999 apabila SP8 membungkus 40 ketulan mampat tersebut untuk dihantar ke Jabatan Kimia. 20 ketulan mampat dari beg P3 telah dimasukkan ke dalam kotak yang ditandakan MA1 dan MA2 oleh SP8. 12 ketulan mampat dari beg P4 telah dimasukkan ke dalam kotak yang ditandakan MB oleh SP8. Lapan ketulan mampat dari beg P5 dimasukkan ke dalam kotak yang ditandakan MC oleh SP8. Kotak-kotak tersebut telah dimeterikan dengan meteri Polis Diraja Malaysia CAD Petaling Jaya. Kemudian SP8 telah menyimpan kotak-kotak tersebut dalam kabinetnya dalam keadaan berkunci. Pada 29 Jun 1999 lebih kurang jam 11 pagi SP8 telah menyerahkan kotak-kotak tersebut kepada SP5 untuk dianalisa ketulan-ketulan mampat daun-daun kering di dalamnya. Tandaan-tandaan yang dibuat olehnya dan SP9, telah membolehkan SP8 mengecam dengan pasti barang-barang kes tersebut. Dalam keterangannya, SP5 mengesahkan penerimaan empat kotak tersebut dari SP8. Setelah diperiksa SP5 mendapati:

(a) kotak bertanda MA1 mengandungi 10 ketulan bahan tumbuhan bertanda A1-A10;

(b) kotak bertanda MA2 mengandungi 10 ketulan bahan tumbuhan bertanda A11-A20;

(c) kotak bertanda MB mengandungi 12 ketulan bahan tumbuhan bertanda B1-B12; dan

(d) kotak bertanda MC mengandungi lapan ketulan bahan tumbuhan bertanda C1-C8.

Tandaan-tandaan yang dibuat olehnya sendiri dan tanda-tanda yang dibuat oleh SP9 dan SP8 telah membolehkan SP5 mengecam dengan pasti barang-barang kes tersebut di mahkamah. Setelah diperiksa dan dianalisa, SP5 mengesahkan bahawa 40 ketulan mampat bahan tumbuhan tersebut mengandungi dadah berbahaya di bawah ADB iaitu cannabis seberat 38,723.5g.

[21] Kami dapati pihak pendakwaan telah memanggil kesemua orang yang telah mengendalikan 40 ketulan bahan tumbuhan yang dijumpai dari dalam P3, P4 dan P5, dan kesemua mereka telah mengecam dengan pasti barang-barang kes tersebut. Oleh itu tidak terdapat break dalam rantaian keterangan mengenai barang-barang kes tersebut. Tidak terdapat keraguan di fikiran kami tentang

identiti 40 ketulan mampat bahan tumbuhan tersebut. Kami berpuas hati bahawa ketulan-ketulan mampat yang dianalisa oleh SP5 adalah ketulan-ketulan mampat yang sama yang dirampas oleh SP9 di tempat kejadian pada hari Ng, Ispangat dan Sia ditangkap (lihat *Gunalan Ramachandran & Ors v. PP* [2004] 4 CLJ 551.

Alasan Kedua Ng

[22] Intipati hujah peguam Ng mengenai alasan ini ialah bahawa pihak pendakwaan telah gagal membuktikan niat bersama Ng, Ispangat dan Sia sepertimana yang diperuntukkan di bawah s. 34 Kanun Keseksaan. Sehubungan ini peguam berhujah bahawa tidak terdapat bukti tentang wujudnya pre arranged plan di antara Ng, Ispangat dan Sia untuk mengedar dadah tersebut. Peguam Ng juga berhujah bahawa keterangan terhadap Ng adalah lemah, dan tidak terdapat bukti untuk mengaitkan Ng dengan dadah yang dirampas dalam kes ini. Kami tidak dapat menerima hujah tersebut. Untuk membuktikan suatu kesalahan memperedarkan dadah berbahaya, pihak pendakwaan boleh membuktikan secara affirmative bahawa orang kena tuduh memiliki dadah berkenaan, kemudian menggunakan anggapan di bawah s. 37(da) ADB, ataupun pihak pendakwaan boleh membuktikan kesnya dengan mengemukakan keterangan untuk membuktikan mana-mana satu perbuatan mengedar sepertimana yang diperuntukkan di bawah s. 2 ADB. Hal ini dijelaskan oleh mahkamah ini dalam *Nasaruddin Daud & Anor v. PP* [2010] 8 CLJ 21 (disahkan keputusannya oleh Mahkamah Persekutuan dalam *Nasarudin Daud & Satu Lagi v. PP* [2011] 3 CLJ 713):

> To prove the offence of trafficking, the prosecution could prove affirmatively that an accused was in possession of the prescribed drugs and then invoke the presumption of trafficking under s. 37(da) of the DDA, or it could establish its case of trafficking by proving any of the acts of trafficking as defined under s. 2 of the DDA.

> Having regard to the evidence of this case, it is our view that the learned trial judge was unduly concerned with the exclusivity of possession of room "K" and the custody and control of the cannabis in question in relation to Amran. It *is essential to bear in mind that the case of the prosecution was not based on custody or control thereby invoking the presumption of possession, or on possession of 200g or more cannabis thereby attracting the presumption of trafficking under s. 37(d) or (da)(vi) of the Act. The prosecution founded its case of trafficking on the 'sale' of the cannabis to PW9, the agent provocateur.*

Section 2 of the Act defines 'trafficking' thus:

> 'trafficking' **includes** the doing of any of the following acts, that is to say, manufacturing, importing, exporting, keeping, concealing, buying, selling, giving, receiving, storing, administering, transporting, carrying, sending, delivering, procuring, supplying or distributing any dangerous drug;
>
> **Hence the definition of 'trafficking' in the Act is wide and includes not only buying and selling but also carrying, keeping and concealing**. (emphasis added)

[23] Kes pihak pendakwaan bergantung kepada keterangan SP1 yang telah diterima keterangannya (dan dalam pandangan kami dengan betul) oleh YA Hakim bicara. Walaupun keterangan SP1 sebagai penyamar sulit tidak memerlukan sokongan dari segi undang-undang (lihat *Nasaruddin v. PP (supra)*), dalam kes ini keterangan SP1 disokong dalam butir-butir yang material oleh keterangan SP3 dan SP4 serta SP9. Keterangan SP1 membuktikan bahawa pada jam 6 petang hari kejadian, Sia sampai ke Hotel Mint. Selepas memperkenalkan Sia kepada SP1, sumber beredar dari situ. SP1 telah berunding dengan Sia tentang harga dan jumlah dadah yang akan dibekalkan. Akhirnya SP1 dan Sia bersetuju dengan harga RM1,350 bagi satu kilogram ganja. SP1 bersetuju untuk membeli 40 kilogram ganja. Selepas itu Sia telah keluar dari lobi hotel itu untuk membuat panggilan telefon. Sia masuk semula ke lobi hotel dan meminta SP1 supaya sabar menunggu kerana pembekal dadah tersebut sedang dalam perjalanan ke Hotel Mint. Selepas itu Sia meminta SP1 menunjukkan wang yang SP1 bawa. SP1 menunjukkan wang yang dibawanya dalam sebuah beg. SP1 membuka zip beg tersebut dan menunjukkan kepada Sia wang yang ada dalam beg tersebut. Sia mencadangkan supaya SP1 mengira wang tersebut tetapi ditolak oleh SP1 kerana mereka berada di khalayak ramai. Sia minta SP1 mencabut sekeping wang kertas untuk pemeriksaan dan pengesahannya. SP1 mencabut sekeping wang kertas yang bernilai RM100 dan menyerahkannya kepada Sia. Selepas memeriksa wang kertas tersebut dengan teliti, Sia berpuas hati dan menyerahkannya balik kepada SP1. Selepas itu Sia membuat panggilan telefon dengan telefon bimbitnya dan berkata melalui telefonnya itu yang SP1 dengar seperti dalam Bahasa Kantonis yang bermaksud wang sudah ada. Pada masa yang sama Sia keluar dari lobi hotel. Selepas beberapa minit Sia masuk semula ke lobi hotel dan memberitahu SP1 bahawa dadah yang SP1 akan beli akan sampai dalam masa satu jam dan Sia minta SP1 untuk bersabar menunggu. Ini berlaku pada lebih kurang pukul 7.30 malam. Pada

masa Sia keluar sebentar dari lobi hotel, SP1 terus berada di lobi hotel. Selepas Sia masuk ke lobi hotel dan kemudian keluar lagi, SP1 telah pergi ke tandas di hotel tersebut, dan dengan telefon bimbitnya telah menelefon SP9 (Ketua Pasukan Serbuan) memberitahu SP9 bahawa ganja yang akan dibelinya akan sampai pada jam lebih kurang 8.30 malam pada hari yang sama. Selepas keluar dari tandas, SP1 telah berjumpa semula dengan Sia dan berbual-bual. Pada jam lebih kurang 8.30 malam hari yang sama, Sia telah mengajak SP1 keluar dari lobi hotel untuk menunggu ketibaan ganja tersebut. Pada masa itu Sia sekali lagi membuat panggilan telefon dan bertanya dalam loghat Kantonis di manakah kedudukan anda. Selepas itu Sia memberitahu SP1 bahawa pembekal dadah akan sampai pada bila-bila masa. Berikutan itu SP1 dan Sia menunggu di luar hotel tersebut. Pada lebih kurang pukul 8.40 malam SP1 nampak kereta Wira masuk ke kawasan Hotel Mint. Apabila sampai berdekatan dengan bahagian luar lobi hotel tersebut, kereta Wira itu berhenti. Ng turun dari kereta Wira dan berjalan menuju ke tempat di mana Sia berada. Selepas Sia memperkenalkan SP1 kepada Ng, Ng memberitahu sesuatu kepada SP1 yang SP1 fahami maksudnya. Selepas diperkenalkan kepada Ng oleh Sia, SP1 berkata dia hendak melihat dadah yang dibawa oleh Ng. Ng bersetuju dan membawa SP1 dan Sia ke belakang kereta Wira. Apabila mereka bertiga sampai di belakang kereta Wira, seorang lelaki Melayu berpakaian T-shirt putih berjalur biru turun dari bahagian penumpang hadapan kereta itu. Lelaki Melayu tersebut berjalan ke bahagian belakang kereta Wira, dan pada masa yang sama dua orang lelaki Melayu lain turun dari kereta itu. Seorang dari dua lelaki Melayu lain itu, iaitu, Ispangat adalah pemandu kereta Wira. Seorang lagi dari dua orang lelaki lain itu, iaitu yang memakai T-shirt hitam, turun dari bahagian belakang kereta Wira. Lelaki Melayu berbaju putih yang mula-mula keluar dari kereta Wira telah membuka penutup boot kereta Wira. Kemudian, Ispangat telah menunjukkan tiga buah beg dalam boot kereta Wira itu dan berkata "inilah barang kamu". Pada masa yang sama Ispangat membuka zip beg-beg tersebut untuk menunjukkan kandungannya kepada SP1. SP1 nampak dalam ketiga-tiga beg tersebut ada ketulan mampat daun-daun kering dibalut dengan plastik lutsinar yang disyaki ganja. SP1 telah memeriksa kandungan ketiga-tiga beg tersebut dan mengesahkan bahawa ada 40 ketul daun-daun mampat yang dibaluti plastik lutsinar dalam ketiga-tiga beg tersebut. Pada masa itu Ng, Ispangat dan Sia serta dua orang lelaki Melayu ada bersama memerhatikan SP1 di belakang kereta Wira itu. Selepas SP1 berpuas hati, Ng dan Sia telah menyuruh dua lelaki Melayu tersebut serta Ispangat memunggah tiga beg

tersebut ke dalam kereta SP1, yang terletak lebih kurang 20 kaki daripada kereta Wira. Semasa dalam perjalanan ke keretanya, SP1 telah memberi isyarat boleh tangkap kepada SP9 dengan menyapu mukanya dengan sapu tangan. Apabila sampai ke tempat di mana keretanya berada, SP1 telah membuka boot keretanya dengan kunci. Pada masa itu dua lelaki Melayu tersebut dan Ispangat berada di belakang kereta SP1. Semasa SP1 membuka penutup boot keretanya, pasukan serbuan yang diketuai oleh SP9 sampai. SP9 menjerit "Polis! Polis! Jangan bergerak". Dua lelaki Melayu tersebut dan Ispangat telah mencampakkan ketiga-tiga beg yang mereka pikul itu ke dalam kereta SP1 dan melarikan diri. Pada masa itu, Ng dan Sia, yang juga berada di bahagian belakang kereta SP1 telah melarikan diri. SP1 sempat menolong pasukan serbuan menangkap Sia. Ng dan Ispangat serta dua orang lelaki Melayu juga telah berjaya ditangkap oleh polis.

[24] Dalam pengamatan kami, keterangan SP1 yang baru kami rujuk itu memperlihatkan peranan yang masing-masingnya dimainkan oleh Ng, Ispangat dan Sia dalam satu transaksi jenayah seperti yang diperuntukkan di bawah s. 34 Kanun Keseksaan. Keterangan tersebut membuktikan bahawa beberapa minit selepas Sia memberitahu SP1 bahawa pembekal dadah akan sampai pada bila-bila masa, kereta Wira tiba dan berhenti di luar lobi Hotel Mint. Ng turun dari kereta dan berjalan menuju ke tempat di mana Sia berada. Selepas Sia memperkenalkan SP1 kepada Ng, Ng memberitahu sesuatu kepada Sia. Kereta Wira itu tidak boleh muncul tiba-tiba di situ secara kebetulan. Inferens yang mesti dibuat ialah kereta Wira muncul berikutan dengan rundingan untuk penjualan dadah di antara SP1 dan Sia, dan panggilan telefon Sia kepada seseorang selepas persetujuan di antara Sia dan SP1 tercapai. Memang benar tidak terdapat keterangan tentang apa yang dikatakan oleh Ng kepada Sia. Tetapi adalah penting bagi mahkamah mengambil kira apa yang berlaku seterusnya. Selepas diperkenalkan kepada Ng oleh Sia, SP1 meminta untuk melihat dadah yang dibawa oleh Ng. Ng bersetuju dan membawa SP1 dan Sia ke belakang kereta Wira. Apabila mereka bertiga sampai di belakang kereta Wira, seorang lelaki Melayu berpakaian T-shirt putih berjalur biru turun dari bahagian penumpang hadapan kereta itu, dan berjalan ke bahagian belakang kereta itu. Pada masa yang sama dua orang lelaki Melayu lain termasuk Ispangat (yang merupakan pemandu kereta itu) turun dari kereta itu. Lelaki Melayu yang memakai T-shirt putih berjalur tadi telah telah membuka penutup boot kereta Wira. Kemudian Ispangat telah menunjukkan tiga buah beg dalam kereta Wira itu dan berkata "inilah barang kamu". Pada masa itu juga Ispangat membuka zip

beg-beg tersebut untuk menunjukkan kandungannya kepada SP1. Pada masa SP1 memeriksa kandungan beg-beg tersebut dan mengesahkan ada 40 ketulan mampat dalam beg-beg tersebut, Ng, Ispangat dan Sia serta dua orang lagi lelaki Melayu ada bersama memerhatikan SP1 di belakang kereta Wira. Pada hemat kami, keterangan yang telah kami huraikan setakat itu pun sudah memadai untuk membawa kami kepada hanya satu kesimpulan, iaitu, bahawa apa yang dilakukan masing-masingnya oleh Ng, Ispangat dan Sia itu telah dilakukan dalam melaksanakan niat bersama mereka untuk mengedar dadah berbahaya kepada SP1. Tetapi keterangan terhadap mereka tidak terhenti di situ. Selepas SP1 berpuas hati, Ng dan Sia telah menyuruh dua lelaki Melayu tersebut serta Ispangat memunggah tiga beg tersebut ke dalam kereta SP1, yang terletak lebih kurang 20 kaki daripada kereta Wira. Semasa dalam perjalanan ke keretanya, SP1 telah memberi isyarat boleh tangkap kepada SP9 dengan menyapu mukanya dengan sapu tangan. Apabila sampai ke tempat di mana keretanya berada, SP1 telah membuka boot keretanya dengan kunci. Pada masa itu dua lelaki Melayu tersebut dan Ispangat berada di belakang kereta SP1. Semasa SP1 membuka penutup boot keretanya, pasukan serbuan yang diketuai oleh SP9 sampai. SP9 menjerit "Polis! Polis! Jangan bergerak". Dua lelaki Melayu tersebut dan Ispangat telah mencampakkan ketiga-tiga beg yang mereka pikul itu ke dalam kereta SP1 dan melarikan diri. Pada masa itu, Ng dan Sia, yang juga berada di bahagian belakang kereta SP1 telah melarikan diri. SP1 sempat menolong pasukan serbuan menangkap Sia. Ng dan Ispangat serta dua orang lelaki Melayu juga telah berjaya ditangkap oleh polis.

[25] Dalam kes *Sabarudin Non v. PP & Other Appeals* [2005] 1 CLJ 466, dalam menyampaikan penghakiman mahkamah ini Gopal Sri Ram HMR (kemudian HMP) menyatakan:

> In our judgment, s. 34 should be interpreted having regard to modern technological advances. The early decisions on the section, admittedly by the Privy Council, that held presence to be essential for s. 34 to bite were handed down at a time when modes of communication were not as advanced as today. It would, in our judgment, be a perversion of justice if we are required to cling on to an interpretation of the section made at a time when science was at a very early stage of development. We find support for our view from the judgment of Thomas J in *Suresh v. State of Uttar Pradesh*, where his lordship said:
>
> > Even the concept of presence of the co-accused at the scene is not a necessary requirement to attract s. 34, eg the co-accused can remain a little away and supply weapons

to the participating accused either by throwing or by catapulting them so that the participating accused can inflict injuries on the targeted person. Another illustration, with advancement of electronic equipment can be etched like this: One of such persons in furtherance of the common intention, overseeing the actions from a distance through binoculars can give instructions to the other accused through mobile phones as to how effectively the common intention can be implemented. We do not find any reason why s. 34 cannot apply in the case of those two persons indicated in the illustrations.

Thus to attract s. 34 IPC two postulates are indispensable:

(1) the criminal act (consisting of a series of acts) should have been done, not by one person, but more than one person;

(2) doing of every such individual act cumulatively resulting in the commission of criminal offence should have been in furtherance of the common intention of all such persons.

Looking at the first postulate pointed out above, the accused who is to be fastened with liability on the strength of s. 34 IPC *should have done some act which has nexus with the offence. Such act need not be very substantial, it is enough that the act is only for guarding the scene for facilitating the crime. The act need not necessarily be overt, even if it is only a covert act it is enough, provided such a covert act is proved to have been done by the co-accused in furtherance of the common intention. Even an omission can, in certain circumstances, amount to an act. This is the purport of s. 32 IPC. So the act mentioned in s. 34 IPC need not be an overt act, even an illegal omission to do a certain act in a certain situation can amount to an act, eg a co-accused, standing near the victim face to face saw an armed assailant nearing the victim from behind with a weapon to inflict a blow. The co-accused, who could have alerted the victim to move away to escape from the onslaught deliberately refrained from doing so with the idea that the blow should fall on the victim.* Such omission can also be termed as an act in a given situation. Hence an act, whether overt or covert, is indispensable to be done by a co-accused to be fastened with the liability under the section. (emphasis added)

[26] Dari keseluruhan keterangan yang telah dihuraikan itu, tiada keraguan di fikiran kami bahawa kehadiran Ng, Ispangat dan Sia di tempat kejadian pada masa yang material adalah berikutan dengan pre arranged plan mereka, dan pada masa yang material itu mereka mengedar dadah tersebut kepada SP1 dalam melaksanakan niat bersama mereka.

A **Alasan Ketiga Ng**

[27] Peguam Ng menyatakan bahawa dalam keterangannya SP8 menyatakan bahawa pengesanan cap jari telah dibuat ke atas ketulan-ketulan mampat dari P3, P4 dan P5 tetapi cap jari yang
B sempurna tidak dapat dikesan. Peguam berhujah bahawa kegagalan pengesanan cap jari itu membuktikan bahawa Ng tidak mempunyai kaitan dengan ketiga-tiga beg tersebut dan ketulan-ketulan mampat di dalamnya. Kami tidak dapat menerima hujah tersebut. Dalam kes di mana identiti seseorang penjenayah dipertikaikan, keterangan cap
C jari mempunyai peranan yang penting dan tinggi nilainya. Tetapi dalam kes di mana pengedaran dadah adalah dalam bentuk penjualan dan terdapat keterangan yang membuktikan identiti pesalah-pesalah berkenaan seperti yang berlaku dalam kes di hadapan kami, keterangan cap jari kurang nilainya (*PP v. Mansor*
D *Md Rashid & Anor* [1997] 1 CLJ 233, FC). Apa yang penting ialah sama ada terdapat keterangan lain dalam kes ini yang cukup untuk membuktikan kes terhadap Ng seperti dalam pertuduhan yang dihadapinya. Hal ini dijelaskan dalam *Ramanathan v. State of Tamil Nadu*, [1978] Cri LJ 1137, SC di mana mahkamah
E menyatakan:

> It has lastly been argued that although a number of finger prints were obtained by the Investigating Officer and others, the High Court did not take into consideration the fact that those prints did not compare with the finger prints of the appellant. It has been
F pointed out that the High Court erred in thinking that the finger prints of Varadarajan were not obtained by the police even though the inquest report showed that the prints had been taken. *It is true that the evidence on the record goes to show that a number of finger prints were obtained during the course of the investigation and it may*
G *well be that the identity of the appellant could not be established on that basis, but that could not be said to be enough to justify his acquittal when there was overwhelming evidence against him to establish his guilt.*

[28] Dalam kes ini seperti yang telah kami huraikan, keterangan SP1 yang disokong oleh keterangan SP3, SP4 dan SP9 jelas
H membuktikan identiti Ng, dan penglibatan serta culpabilitynya dalam kesalahan seperti dalam pertuduhan.

Alasan Keempat Ng

I **[29]** Peguam merujuk kepada keterangan SP1 di mana dia menyatakan bahawa dia ada membawa wang sebanyak RM100,000 dalam sebuah beg hitam. Peguam berhujah bahawa kegagalan pihak pendakwaan mengemukakan wang dan beg hitam tersebut adalah membawa padah kepada pihak pendakwaan kerana tiada

bukti untuk menunjukkan bahawa wang dan beg hitam itu wujud. Sehubungan ini peguam berhujah bahawa tidak terdapat keterangan sokongan untuk menyokong keterangan SP1 tentang wang dan beg tersebut. Kami memutuskan bahawa tiada merit dalam hujah tersebut. Keterangan SP1 yang telah diterima oleh mahkamah adalah mencukupi untuk membuktikan fakta bahawa pada masa yang material SP1 ada membawa wang RM100,000 dalam sebuah beg hitam.

[30] Ini membawa kami kepada hujah peguam Ispangat dan Sia.

[31] Peguam Ispangat dan Sia menyatakan bahawa beliau mengguna pakai hujah peguam Ng. Selain itu dalam hujahnya, peguam Ispangat dan Sia juga telah mengemukakan tiga alasan lain seperti berikut:

(a) kegagalan pihak pendakwaan memanggil Afrizal dan Guntur atau menawarkan mereka kepada pihak pembelaan;

(b) kegagalan mematuhi peruntukan di bawah s. 162 Kanun Tatacara Jenayah; dan

(c) YA Hakim bicara telah mengenakan beban yang lebih berat ke atas Ng, Ispangat dan Sia.

Kegagalan Memanggil Atau Menawarkan Afrizal Dan Guntur

[32] Asas hujah peguam Ispangat dan Sia bagi alasan ini ialah kegagalan pihak pendakwaan memanggil Afrizal dan Guntur untuk memberi keterangan atau menawarkan mereka kepada pihak pembelaan. Alasan ini juga telah ditimbulkan oleh peguam Ng. Oleh kerana alasan ini bertindih kami akan menghuraikannya sebagai alasan yang ditimbulkan oleh Ispangat dan Sia. Menurut peguam, ini adalah hujah terkuat Ispangat dan Sia dalam rayuan ini. Peguam Ispangat dan Sia berhujah bahawa kedua-dua saksi tersebut adalah saksi-saksi yang material. Mereka ada di tempat kejadian, membantu membawa tiga beg dari kereta Wira ke kereta SP1. Mereka telah dituduh di mahkamah, tetapi kemudiannya pertuduhan terhadap mereka telah ditarik balik. Menurut peguam, berkaitan ini complaint mereka ialah YA Hakim bicara telah tidak mempertimbangkan akibat kegagalan pihak pendakwaan memanggil dua saksi tersebut. Peguam berhujah bahawa Ispangat dan Sia "cannot be penalised for lack of ingenuity in police investigations depriving him of time honoured benefit of doubt". Kes *Pang Chee Meng v. PP* [1992] 1 CLJ 39; [1992] 1 CLJ (Rep) 265 telah dirujuk sebagai otoriti. Menurut peguam, YA Hakim bicara tidak

A boleh menolak complaint pihak pembelaan atas alasan bahawa kedua-dua saksi tersebut telah diusir keluar (deported) dari negara ini. Menurut peguam, akibat-akibat undang-undang yang timbul dari kegagalan memanggil hadir saksi-saksi tersebut adalah seperti berikut:

B

(a) Pelanggaran kaedah yang diputuskan dalam *Ti Chuee Hiang v. PP* [1995] 3 CLJ 1.

(b) Wujud jurang (gap) dalam kes pihak pendakwaan.

C (c) Adverse inference di bawah s. 114(g) Akta Keterangan 1950 boleh dipakai terhadap pihak pendakwaan.

Sehubungan ini peguam berhujah bahawa s. 114(g) Akta Keterangan 1950 boleh digunakan terhadap pendakwaan
D walaupun tidak terdapat motif yang salah (oblique motive) di pihak pendakwaan. Menurut peguam, seksyen tersebut boleh digunakan asalkan saja seorang saksi yang material telah tidak dipanggil. Kes *Munusamy Vengadasalam v. PP* [1987] 1 CLJ 250; [1987] CLJ (Rep) 221, dan kes *PP v. Nordin Awang*
E [2000] 1 LNS 288 telah dirujuk sebagai otoriti.

(d) Ispangat dan Sia telah diletakkan dalam keadaan disadvantaged.

[33] Bagi kami akibat-akibat (a), (b), dan (c) adalah berkaitan.
F Oleh itu kami akan memperkatakan akibat-akibat tersebut bersekali. Pertamanya, kami tidak dapat menerima hujah peguam bahawa adverse inference di bawah s. 114(g) Akta Keterangan 1950 boleh digunakan terhadap pihak pendakwaan walaupun tidak terdapat oblique motive di pihak pendakwaan, dan bahawa seksyen tersebut
G boleh digunakan asalkan saja seorang saksi yang material tidak dipanggil. Adverse inference di bawah seksyen tersebut hanya boleh dibangkitkan jika terdapat withholding ataupun pemendapan (suppression) keterangan, dan bukan hanya atas kegagalan mendapatkan keterangan (lihat *Munusamy Vengadasalam v. PP*
H [1987] 1 CLJ 250; [1987] CLJ (Rep) 221, SC, *Mohd Shamshir Md Rashid v. PP* [2008] 6 CLJ 738 CA, *Dorai Pandian Munian & Anor v. PP* [2009] 1 LNS 234 CA. Dalam *Munusamy v. PP*, Mahkamah Agung menyatakan:

I > It is essential to appreciate the scope of section 114(g) lest it be carried too far outside its limit. Adverse inference under that illustration can only be drawn if there is withholding or

suppression of evidence and not merely on account of failure to obtain evidence. *It may be drawn from withholding not just any document, but material document by a party in his possession, or for non-production of not just any witness but an important and material witness to the case.* (emphasis added)

[34] Dalam kes di hadapan kami tidak terdapat withholding atau pemendapan (suppression) keterangan oleh pihak pendakwaan. Dalam keterangannya SP8 telah menjelaskan bahawa Timbalan Pendakwa Raya (TPR) telah tidak mengeluarkan izin dan rekuisisi untuk meneruskan pertuduhan terhadap Afrizal dan Guntur. Tindakan di bawah Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) telah diambil terhadap mereka. Mereka telah ditahan di Pusat Tahanan Simpang Renggam. Kemudian kedua-dua mereka telah diusir balik ke negara asal mereka. Selepas itu mereka tidak lagi dapat dikesan. Fakta tentang pengusiran kedua-dua saksi tersebut tidak dipertikaikan oleh pihak pembelaan, dan pihak pembelaan tidak pernah mencadangkan (put) kepada SP8 bahawa pengusiran itu telah dilakukan untuk withhold atau memenggap (suppress) keterangan mereka.

[35] Ini membawa kami kepada hujah peguam bahawa dengan tidak memanggil Afrizal dan Guntur, pihak pendakwaan telah melanggar apa yang dirujuk oleh peguam sebagai kaedah dalam kes *Ti Chuee Hiang v. PP*, dan bahawa atas alasan pelanggaran itu Ng, Ispangat dan Sia hendaklah dilepas dan dibebaskan. Kami tidak dapat menerima hujah tersebut. Kami tidak fikir *Ti Chuee Hiang v. PP* menyokong hujah peguam tersebut. Apa yang dinyatakan oleh *Ti Chuee Hiang v. PP* dalam petikan yang dirujuk oleh peguam itu bukanlah perkara baru. Ia menyentuh prinsip tentang budi bicara pihak pendakwaan dalam memilih saksi-saksi yang hendak dipanggilnya dalam suatu perbicaraan jenayah. Prinsip undang-undang yang telah diputuskan adalah utuh dan jelas. Tertakluk kepada had yang asas iaitu keperluannya membuktikan kesnya melampaui keraguan yang munasabah, pihak pendakwaan mempunyai budi bicara yang mutlak ke atas pemilihan saksi-saksi yang hendak dipanggilnya dalam suatu perbicaraan jenayah (lihat *Khoon Chye Hin v. PP* [1961] 1 LNS 41; [1961] MLJ 105 at p. 109, *Adel Muhammed El Dabbah v. Attoney General of Palestine* [1944] AC 156, *PP v. Dato' Seri Anwar Ibrahim (No 3)* [1999] 2 CLJ 215; [1999] 2 MLJ 1 at pp. 70-71, *Jamaludin Md Kassim v. PP* [2010] 5 CLJ 928, CA (disahkan keputusannya oleh

A Mahkamah Persekutuan dalam *Jamaludin Md Kasim v. PP* [2010] 9 CLJ 377). Dalam kes *Adel Muhammed El Dabbah (supra)* di ms. 168 Lord Thankerton menyatakan:

> The prosecutor has a discretion as to what witnesses should be called for the prosecution, and the court will not interfere with the exercise of that discretion, unless, perhaps, it can be shown that the prosecutor has been influenced by some oblique motive.

B

[36] Dalam kes *Malak Khan v. The King – Emperor* 72 1A 304 di ms. 314 Lord Thankerton menyatakan:

C

> There is no obligation compelling counsel for the prosecution to call all witnesses who speak to facts which the Crown desire to prove. Ultimately it is a matter for the discretion of counsel for the prosecution.

D **[37]** Beberapa tahun sebelum itu dalam *Seneviratne v. R* [1936] 3 All ER 36 di ms. 48 - 49, Lord Roche dalam menyampaikan penghakiman Privy Council menyatakan:

> It is said that the state of things above described arose because of a supposed obligation on the prosecution to call every available witness on the principle laid down in such a case as *Ram Ranjan Roy v. R* (7) to the effect that all available eye-witnesses should be called by the prosecution even though, as in the case cited, their names were on the list of defence witnesses. *Their Lordships do not desire to lay down any rules to fetter discretion on a matter such as this which is so dependent on the particular circumstances of each case. Still less do they desire to discourage the utmost candour and fairness on the part of those conducting prosecutions; but at the same time they cannot, speaking generally, approve of an idea that a prosecution must call witnesses irrespective of considerations of number and of reliability, or that a prosecution ought to discharge the functions both of prosecution and defence. If it does so confusion is very apt to result, and never is it more likely to result than if the prosecution calls witnesses and then proceeds almost automatically to discredit them by cross-examination.*

E

F

G

[38] Ini membawa kami kepada *Ti Chuee Hiang v. PP*, di mana H setelah merujuk kepada beberapa kes termasuk *Adel Muhammed El Dabbah dan Seneviratne v. R* Mahkamah Persekutuan menyatakan:

> Having said that, it is in our view clear law that while the prosecution has a complete discretion as to the choice of witnesses to be called at the trial (see, eg *Adel Muhammed el Dabbah v. A-G of Palestine* [1944] AC 156 at pp. 167-169; [1944] 2 All ER 139 at pp. 143-144), *the most basic limitation upon prosecutorial discretion in the presentation of a case is that it also has a duty to call all of the necessary witnesses, to establish proof against the*

I

accused beyond all reasonable doubt, and if, in the exercise of its discretion, it fails to fulfil this obligation - which is nothing less than a statutory duty - the accused must be acquitted. (emphasis added)

[39] Sehubungan ini, dalam kes *Teoh Hoe Chye v. PP & Another Case* [1987] 1 CLJ 471; [1987] CLJ (Rep) 386, di ms. 388 - 389, Mahkamah Persekutuan menyatakan:

As it was clear that Supt. Lum was given custody of the exhibits soon after the arrest of the appellants, it is reasonable to assume that police statements would have been taken from him and that he would ordinarily have been called to give evidence. He was however not called. *Nevertheless, the decision whether to call or not to call a witness including a witness from whom a statement has been taken is always the right of the prosecution (Abdullah Zawawi v. PP [1985] CLJ (Rep) 19). Insofar as the trial Court is concerned, its duty is essentially to decide whether on the evidence before it the prosecution has proved its case, and if there are unsatisfactory features in the prosecution case to determine whether, in the light of such features, the prosecution case fell short of proof beyond reasonable doubt* (*Abdullah Zawawi's* case, *supra*).

[40] Jadi, persoalan yang penting dalam kes ini ialah sama ada pihak pendakwaan telah membuktikan kesnya tanpa memanggil Afrizal dan Guntur memberikan keterangan. Jika pihak pendakwaan telah membuktikan kesnya tanpa memanggil dua orang saksi tersebut, adverse inference di bawah s. 114(g) Akta Keterangan 1950 tidak boleh dipakai terhadap pihak pendakwaan. Dalam keadaan yang sedemikian itu adalah juga tidak perlu bagi pihak pendakwaan menawarkan mereka atau make them available kepada pihak pembelaan. Hal ini dijelaskan oleh Augustine Paul H (kemudian HMP) dalam *PP v. Chia Leong Foo* [2000] 4 CLJ 649, di ms. 673 - 674:

Thus the question to be asked in each case is whether the prosecution has proved its case even without calling some other witnesses who are available. An adverse inference cannot be drawn for failure to call a witness when the prosecution has discharged its burden (see *Namasiyiam & Ors v. PP* [1987] 2 MLJ 336; *Kadir Awang v. PP* [1989] 2 MLJ 33; *Jazuli Mohsin v. PP* [1990] 2 MLJ 190; *Lim Young Sien v. PP* [1994] 2 SLR 257). As Yong Pung How CJ said in *Chua Keem Long v. PP* [1996] 1 SLR 510 at pp. 523-524:

The appellant's contention was that the failure of the prosecution to adduce the evidence of those other gamblers meant that the court could presume that the evidence would have gone against the prosecution, that is there were no such visits.

> Such arguments are commonly made. Commonly too, such arguments are without merit. The court must hesitate to draw any such presumption unless the witness not produced is essential to the prosecution's case. Any criminal transaction may be observed by a number of witnesses. All the prosecution need to do is to produce witnesses whose evidence can be believed so as to establish the case beyond a reasonable doubt. Out of a number of witnesses, it may then only be necessary to bring in one or two; as long as those witnesses actually produced are able to give evidence of the transaction, there is no reason why all of the rest should be called, nor why any presumption should be drawn that the evidence of those witnesses not produced would have been against the prosecution.

In such circumstances it is also not necessary for the prosecution to offer or make available the remaining witnesses to the defence. As Yong Pung How CJ said in *Satli Masot v. PP* [1999] 2 SLR 637 at p. 649:

> We were of the view that when section 116 illustration (g) (our section 114(g)) is sought to be invoked on account of the prosecution's failure to offer particular witnesses to the defence, the rule should be no different from a case where the contention is that the prosecution has failed to call particular witnesses. In both cases, whether an adverse inference should be drawn should depend on the materiality of the witness not called/offered and whether the failure to do so constitutes a withholding of evidence from the court or the accused. On our facts, just as there was no basis for drawing an adverse inference against the prosecution on account of their failure to call the two named CNB officers as witnesses, we were of the view that there was similarly no basis for drawing an adverse inference against the prosecution on account of their failure to offer the two officers to the defence.

This principle has been recognised by our Federal Court in *Pendakwa Raya v. Mansor Mohd Rashid* [1996] 3 MLJ 560 and the Court of Appeal in *Lee Lee Chong v. PP* [1998] 4 MLJ 697 where it was held, on the facts of the cases, that the failure by the prosecution to call witnesses or to make them available to the defence at the close of its case was not fatal at that stage.

[41] Dalam pengamatan kami, berdasarkan kepada keterangan pihak pendakwaan yang telah kami huraikan di bahagian lain penghakiman ini, pihak pendakwaan telah pun membuktikan kes *prima facie* terhadap Ng, Ispangat dan Sia. Tidak terdapat gap dalam kes pihak pendakwaan. Adverse inference di bawah

s. 114(g) Akta Keterangan 1950 tidak boleh ditimbulkan terhadap mereka. YA Hakim bicara telah membuat keputusan yang betul apabila beliau memerintahkan Ng, Ispangat dan Sia membela diri.

[42] Mengenai alasan bahawa Ispangat dan Sia telah diletakkan dalam keadaan disadvantaged, teras hujah peguam ialah jika Afrizal dan Guntur telah dipanggil, mereka akan dapat mengesahkan sama ada versi Ispangat dan Sia dalam pembelaan mereka adalah betul. Menurut peguam, pembelaan Ispangat ialah Rahimi menyuruh dia memandu kereta Wira bersama Afrizal ke Pasaraya Bintang. Dalam perjalanan, Afrizal meminta Ispangat berhenti untuk mengambil kawannya, dan selepas itu Afrizal telah menyuruh Ispangat pergi ke Hotel Mint. Peguam berhujah jika Afrizal telah ditawarkan kepada pihak pembelaan, Ispangat boleh memanggil Afrizal untuk menyokong pembelaan Ispangat. Mengenai Ng pula, jika Guntur telah ditawarkan, Ng boleh memanggilnya memberi keterangan untuk menyokong pembelaan Ng bahawa dia hanyalah seorang penumpang dalam kereta Wira pada masa yang material. Peguam berhujah bahawa aspek ini telah tidak dipertimbangkan oleh YA Hakim bicara. Peguam berhujah bahawa s. 114(g) Akta Keterangan 1950 boleh dibangkitkan terhadap pihak pendakwaan di akhir kes pihak pembelaan. Kes *PP v. Chia Leong Foo (supra)* telah dirujuk sebagai otoriti. Kami tidak dapat menerima hujah tersebut. Fakta-fakta dalam kes *PP v. Chia Leong Foo* amat berbeza dengan fakta-fakta dalam kes di hadapan kami. Dalam kes *PP v. Chia Leong Foo*, kes pihak pendakwaan ialah bahawa pada masa yang material, orang kena tuduh sedang menunggang motosikal dengan seseorang bernama Yee Chin Koon sebagai pembonceng. Seorang saksi pihak pendakwaan - D/Sarjan Hassan (SP6) mengikuti motosikal tersebut dari belakang dengan kereta dan kemudiannya telah menjerit perkataan polis kepada orang kena tuduh. Orang kena tuduh memecut motosikalnya. Semasa orang kena tuduh melarikan diri itu, SP6 nampak orang kena tuduh mengambil satu beg putih dari dalam raga motosikal dan mencampakkannya. Orang kena tuduh kemudiannya hilang kawalan motosikal tersebut dan melanggar penghadang jalan. Orang kena tuduh dan Yee Chin Koon jatuh. Orang kena tuduh yang memakai helmet hitam, telah ditangkap oleh SP6 dan anggota polis yang lain. Sementara itu Yee Chin Koon yang memakai helmet kuning telah bangun dan melarikan diri tetapi telah dikejar dan berjaya ditangkap oleh polis. Beg yang dicampakkan oleh orang kena tuduh itu didapati mengandungi 10 peket heroin. Dalam keterangannya orang kena tuduh menyatakan bahawa beg tersebut bukan begnya. Orang kena tuduh menyatakan bahawa beg putih tersebut dibawa ke rumahnya oleh Yee Chin

Koon dan bahawa semasa mereka berada di atas motosikal tersebut, beg tersebut berada di atas pangkuan Yee Chin Koon. Orang kena tuduh menafikan dia telah mencampakkan beg tersebut. Dia menyatakan bahawa dia nampak Yee Chin Koon mencampakkan sesuatu. Keterangan adik orang kena tuduh (DW2) juga mengesahkan bahawa Yee Chin Koon membawa beg tersebut dengannya semasa dia masuk ke rumah orang kena tuduh. Pembelaan orang kena tuduh bahawa beg putih tersebut dipegang oleh Yee Chin Koon dan bahawa dia (orang kena tuduh) tidak mencampakkan beg tersebut telah disarankan (put) kepada saksi-saksi pihak pendakwaan (SP4 dan SP6). Oleh itu pihak pendakwaan telah tahu dari awal lagi apa pembelaan orang kena tuduh dan mereka sepatutnya telah memanggil Yee Chin Koon memberi keterangan dalam kes pihak pendakwaan untuk menyangkal pembelaan tersebut. Menurut mahkamah, dalam kes itu jika pun pihak pendakwaan telah memohon untuk memanggil Yee Chin Koon sebagai saksi rebuttal ianya tidak akan dibenarkan kerana keterangan Yee Chin Koon ada di tangan mereka dan mereka tahu pentingnya keterangan tersebut dari awal lagi:

> As the defence of the accused was suggested to the witnesses for the prosecution in the course of its case it ought to have adduced the evidence of Yee Chin Koon to rebut the suggestions at that stage. I pause to add that even if the prosecution had applied to tender the evidence of Yee Chin Koon in rebuttal it would not have succeeded as such evidence was in its possession and its materiality had been known from the very beginning. As proof of guilt can be established only on the whole of the evidence it now emerges that Yee Chin Koon's evidence is material which the prosecution ought to have adduced. This raises the presumption under s. 114(g) that if such evidence had been adduced it would have been unfavourable to the prosecution.

[43] Tidak seperti dalam kes *PP v. Chia Leong Foo*, dalam kes yang sedang kami adili ini (di mana Ng, Ispangat dan Sia ditangkap dalam perangkap polis berikutan dengan rundingan jual beli dadah), pembelaan Ng, Ispangat dan Sia masing-masingnya telah tidak diajukan (put) kepada saksi-saksi pihak pendakwaan. Pembelaan Ng bahawa atas pelawaan Guntur dia dan Guntur telah pergi ke Sungai Wang dengan teksi, berhenti di tepi jalan, setelah menunggu di antara 5 - 10 minit kereta Wira sampai dan mereka diajak naik kereta itu yang kemudiannya menuju ke Hotel Mint di mana apabila sampai Ng telah turun kereta untuk pergi ke tandas tetapi ditangkap setelah berjalan beberapa langkah, telah tidak diajukan (put) secara spesifik kepada saksi-saksi pihak pendakwaan. Begitu juga dengan pembelaan Ispangat bahawa Rahimi (Hendra)

menyuruhnya memandu kereta Wira ke Pasaraya Bintang di Sungai Way di mana dalam perjalanan Afrizal mengajak Ispangat pergi ke Hotel Mint selepas mengambil kawannya (kawan Afrizal) di Pasaraya Bintang, dan bahawa apabila sampai di Hotel Mint, Afrizal meminta Ispangat membuka boot kereta Wira dan tidak lama selepas itu dia ditangkap. Pembelaan tersebut juga telah tidak diajukan (put) secara spesifik kepada saksi-saksi pihak pendakwaan. Begitu jugalah halnya dengan pembelaan Sia. Pembelaan Sia bahawa dia juga ke Hotel Mint kerana Ah Seng menyuruhnya pergi ke sana dan memberitahu kawan Ah Seng bahawa Ah Seng tidak dapat pergi ke hotel itu, bahawa di Hotel Mint dia telah berjumpa seorang lelaki yang memakai kemeja T warna kuning dan dia memberitahu lelaki itu Ah Seng tidak dapat datang kerana tidak sihat, dan bahawa selepas itu dia telah berbual-bual dengan lelaki itu di Coffee House hotel tersebut dalam kehadiran SP1 yang hanya diam sahaja, telah tidak diajukan (put) secara spesifik kepada saksi-saksi pihak pendakwaan. Pembelaan Ng, Ispangat dan Sia yang masing-masingnya telah kami rujuk itu timbul buat pertama kali di peringkat pembelaan mereka. Sehubungan ini apabila kami timbulkan persoalan tentang pembelaan yang tidak diajukan kepada saksi-saksi pihak pendakwaan itu, peguam berhujah bahawa walaupun tidak ditimbulkan, YA Hakim bicara hendaklah menimbangkan setiap perkara dalam neraca keadilan. Bagi kami, jika pembelaan mereka itu benar tidak ada sebab kenapa mereka telah terlepas pandang untuk mengajukannya kepada saksi-saksi pihak pendakwaan. Keperluan untuk mengajukan (put) kes mereka kepada saksi-saksi pihak pendakwaan bukan sekadar kaedah teknikal undang-undang, tetapi adalah kaedah penting keadilan (lihat *PP v. Dato' Seri Anwar Ibrahim (No 3)* [1999] 2 CLJ 215; [1999] 2 MLJ, di ms. 193 - 194, *Wong Swee Chin v. PP* [1980] 1 LNS 138, *Chua Beow Huat v. PP* [1968] 1 LNS 24, *Alcontara Ambross Anthony v. PP* [1996] 1 CLJ 705). Pada hemat kami dalam keadaan yang sedemikian itu, adverse inference di bawah s. 114(g) Akta Keterangan 1950 tidak boleh dibangkitkan terhadap pihak pendakwaan seperti yang dihujahkan oleh peguam.

A B C D E F G H I

Kegagalan Mematuhi Peruntukan Di Bawah s. 162 Kanun Tatacara Jenayah

[44] Pada 13 Ogos 2007, selepas pihak pendakwaan menutup kesnya, TPR telah memohon untuk meminda pertuduhan tentang berat cannabis berdasarkan kepada keterangan ahli kimia (SP5). Permohonan tersebut dibantah oleh peguam-peguam Ng, Ispangat dan Sia atas alasan pihak pendakwaan sepatutnya membuat pindaan sebelum menutup kesnya. Mahkamah telah menolak

permohonan TPR. Walau bagaimanapun, mahkamah sendiri telah meminda pertuduhan asal dengan menggantikan berat cannabis dari 40,723.5g kepada 38,723.5g. Rekod prosiding dalam kes ini menunjukkan bahawa selepas itu, pertuduhan pindaan itu telah dibacakan kepada Ng dan Sia dalam Bahasa Kantonis dan kepada Ispangat dalam Bahasa Malaysia. Seksyen 162 Kanun Tatacara Jenayah memperuntukkan:

> Whenever a charge is altered or added by the Court after the commencement of the trial the prosecutor and the accused shall be allowed to recall or re-summon and examine, with reference to the alteration or addition, any witness who may have been examined, and may also call any further evidence which may be material.

[45] Peguam berhujah bahawa selepas meminda pertuduhan tersebut, YA Hakim bicara sepatutnya membenarkan pihak pembelaan untuk memanggil semula saksi-saksi. Oleh kerana ini tidak dilakukan, perbicaraan dalam kes ini terbatal (vitiated). Kami tidak dapat menerima hujah tersebut. Pindaan tentang berat cannabis itu dibuat berdasarkan kepada keterangan SP5 yang menyatakan dalam pemeriksaan utama bahawa di ms. 3 laporan kimia (P22) Net Weight of Plant Material yang dinyatakan sebagai 9,625.2g itu sepatutnya ialah 7,625.2g. Peguam-peguam yang mewakili Ng, Ispangat dan Sia telah diberi peluang untuk menyoal balas SP5 tetapi tidak ada sebarang pertikaian ditimbulkan tentang pembetulan yang dibuat oleh SP5 itu. Di sepanjang perbicaraan dalam kes ini di Mahkamah Tinggi, Ng, Ispangat dan Sia diwakili oleh peguam-peguam. Pada 17 Ogos 2007, selepas pindaan dibuat kepada pertuduhan asal dan pertuduhan pindaan itu dibacakan, rekod prosiding menunjukkan bahawa peguam-peguam Ng, Ispangat dan Sia tidak membuat sebarang permohonan kepada mahkamah untuk memanggil semula SP5 atau mana-mana saksi lain (lihat ms. 344, Rekod Rayuan Jilid 4). Pada hemat kami dalam keadaan yang sedemikian itu YA Hakim bicara tidak mempunyai tanggungjawab untuk memberitahu peguam-peguam yang mewakili Ng, Ispangat atau Sia tentang hak mereka di bawah s. 162 Kanun Tatacara Jenayah. Hal ini telah dijelaskan oleh mahkamah ini dalam *Msimanga Lesaly v. PP* [2005] 1 CLJ 398 di mana dalam menjawab isu yang serupa yang ditimbulkan oleh peguam perayu dalam kes itu, Gopal Sri Ram HMR (pada masa itu) menyatakan:

> Learned counsel's submission is that the trial judge was obliged to inform the appellant of her right under s. 162 to recall any of the witnesses for the prosecution. And this though the appellant was represented by counsel. With respect we are unable to agree

with this submission. In *Moosa Abdul Rahiman v. The State of Kerala* [1982] Cr LJ 1384, the full bench of the High Court of Kerala held that s. 217 of the Indian Criminal Procedure Code 1974 which is in *pari materia* with our s. 162:

> does not cast a duty or obligation on the court to enquire of the prosecution or the accused whether they would like to recall or re-summon the witnesses ... or to call any further witnesses. The omission of the court to: enquire of the prosecution or the accused whether they would like to exercise the right of recalling or re-summoning the witnesses would not result in any procedural illegality.

With respect we agree with this proposition. Where an accused is represented by counsel it is unnecessary for the court to draw counsel's attention to s. 162 or to inquire whether counsel intends to exercise the right conferred by that section. We therefore find no merit in the second ground advanced on the appellant's behalf.

Mengenakan Beban Yang Lebih Berat Ke Atas Ispangat Dan Sia

[46] Peguam telah merujuk kepada penghakiman YA Hakim bicara di mana di ms. 672, Jilid 7, Rekod Rayuan di mana YA Hakim bicara menyatakan:

> *Diatas alasan di atas saya mendapati bahawa pembelaan telah gagal, ditahap imbangan kebarangkalian, menimbulkan keraguan keatas kes pendakwaan*. Dengan yang demikian saya dapati pihak pendakwaan telah membuktikan pertuduhan terhadap ketiga-tiga OYDT di luar keragu-raguan yang munasabah. Ketiga-tiga OYDT adalah didapati salah seperti pertuduhan pindaan.

[47] Peguam berhujah bahawa apa yang dinyatakan oleh YA Hakim bicara di bahagian yang kami gariskan itu adalah satu salah arahan yang nyata tentang prinsip asas undang-undang kerana beliau telah mengenakan beban yang lebih berat yang tidak sepatutnya ke atas Ng, Ispangat dan Sia. Menurut peguam, oleh itu sabitan ke atas mereka adalah tidak selamat dan atas alasan ini sahaja sabitan mereka hendaklah diketepikan. Memang benar YA Hakim bicara telah tersilap dalam penggunaan perkataan-perkataan yang betul dalam menyatakan bahawa pihak pembelaan telah gagal menimbulkan keraguan yang munasabah ke atas kes pihak pendakwaan. Walau bagaimanapun dalam penghakiman kami kesilapan tersebut tidak boleh membatalkan sabitan terhadap Ng, Ispangat dan Sia. Sehubungan ini dalam *Khoo Hi Chiang v. PP & Another Case* [1994] 2 CLJ 151, YA Hakim bicara telah membuat kesilapan tentang beban pembuktian. Di dalam kes itu di akhir kes pihak pendakwaan YA Hakim bicara telah memutuskan bahawa

perayu mempunyai satu kes untuk dijawab berdasarkan kepada ujian yang ditetapkan oleh Lord Diplock dalam kes *Haw Tua Tau v. PP & Other Cases* [1981] CLJ 123; [1981] CLJ (Rep) 11, yang hanya memerlukan penilaian yang minima terhadap keterangan di akhir kes pihak pendakwaan untuk memastikan bahawa keterangan tersebut bukan inherently incredible. Mahkamah Agung memutuskan bahawa YA Hakim bicara telah membuat kesilapan kerana menurut Mahkamah Agung, di akhir pihak pendakwaan, mahkamah mestilah membuat penilaian yang maksima terhadap keterangan:

> Consequently, the duty of the court, at the close of the case for the prosecution, is to undertake, not a minimal evaluation of the evidence tendered by the prosecution in order to determining whether or not the prosecution evidence is inherently incredible – the *Haw Tua Tau* test – but a maximum evaluation of such evidence, to determine whether or not the prosecution has established the charge against the accused beyond all reasonable doubt.

[48] Walaupun Mahkamah Agung mendapati bahawa YA Hakim bicara telah tersilap apabila beliau menggunakan ujian yang salah, mahkamah memutuskan bahawa kesilapan itu tidak membatalkan sabitan terhadap perayu. Dalam penghakimannya Edgar Joseph Jr. HMA menyatakan:

> In the circumstances, although the judge applied the *Haw Tua Tau* test - which, in our view, was the wrong test - when calling for the defence, we consider that the error was of no consequence, and did not vitiate the convictions, because, even had he applied the more stringent test to which we have referred and discussed, we are completely convinced that the result would have been the same, having regard to the absolutely overwhelming nature of the case for the prosecution. We are therefore satisfied that no substantial injustice has actually occurred and so we apply the proviso to s. 60 of the Courts of Judicature Act 1964, which says:
>
> > Provided that the Supreme Court may, notwithstanding that it is of opinion that the point raised in the appeal might be decided in favour of the appellant, dismiss the appeal if it considers that no substantial miscarriage of justice has occurred.
>
> Accordingly, we have no hesitation in dismissing these appeals and confirming the convictions and sentences of death passed against both the appellants.

[49] Begitulah juga halnya dalam kes yang sedang kami adili ini. Setelah menimbangkan keterangan yang telah dikemukakan oleh pihak pendakwaan, yang dalam pandangan kami adalah overwhelming, kami berpuas hati bahawa jika YA Hakim bicara telah menggunakan ujian yang betul di akhir kes pihak pembelaan beliau akan mencapai keputusan yang sama. Kami berpuas hati bahawa telah tidak berlaku salah laksana keadilan yang substantial dalam kes ini, dan dengan itu kami menggunakan proviso kepada s. 60(1) Akta Mahkamah-Mahkamah Kehakiman 1964 yang memperuntukkan:

> Provided that the Court of Appeal may, notwithstanding that it is of opinion that the point raised in the appeal might be decided in favour of the appellant, dismiss the appeal if it considers that no substantial miscarriage of justice has occurred.

[50] Setelah menimbangkan dengan teliti keterangan yang terdapat dalam Rekod Rayuan kes ini dan juga alasan penghakiman YA Hakim bicara, kami berpuas hati bahawa sabitan dan hukuman terhadap Ng, Ispangat dan Sia adalah selamat. Rayuan Ng, Ispangat dan Sia masing-masingnya ditolak. Sabitan dan hukuman mati terhadap mereka disahkan.